



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**SESI SEMBANG SANTAI PRODUKTIF
NORMA BAHARU MBSP**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**4 JUN 2020 (KHAMIS)
3.00 PETANG**

Disediakan oleh Jabatan Kemasyarakatan

Teks Sembang Santai Produktif

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

1. Latar Belakang - Kemunculan COVID19 di Malaysia

i. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia sebagai tindakan pencegahan bagi mengekang penularan wabak pandemik Covid 19 di Malaysia bermula 18 Mac 2020 - 31 Mac 2020 (di bawah [Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988](#) dan Akta Polis 1967). PKP adalah larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan awam di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya dan hanya perkhidmatan perlu (*essential services*) sahaja dibenarkan beroperasi. Fasa PKP adalah seperti berikut :

- a) Fasa pertama : 18 Mac – 31 Mac 2020
- b) Fasa Kedua : 1 April – 14 April 2020
- c) Fasa Ketiga : 15 April – 28 April 2020

Seterusnya, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) diumumkan adalah bagi membolehkan sebahagian sektor ekonomi dan sosial dibuka semula. Manakala aktiviti dan perhimpunan awam yang terdedah kepada risiko jangkitan Covid-19 masih tidak dibenarkan. Fasa PKPB adalah seperti berikut :

- a) Fasa Keempat : 4 Mei -12 Mei 2020
- b) Fasa Kelima : 13 Mei – 9 Jun 2020.

2. Pelan Tindakan Yang Diambil Oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai Dalam Memerangi Wabak Covid 19

- i. Pasukan Kerja Pengurusan Krisis Covid 19 Majlis Bandaraya Seberang Perai telah ditubuhkan pada 18 Mac 2020 iaitu pada hari pertama Perintah Kawalan Pergerakan. Pasukan kerja ini dipengerusikan oleh Datuk Bandar dan ahli-ahlinya terdiri daripada Ahli Majlis, Setiausaha Bandaraya dan Ketua-Ketua Jabatan MBSP.
- ii. Menubuh Pasukan Wira Barisan Hadapan terdiri daripada 3,091 wira dari berbagai jabatan MBSP yang akan memastikan SOP PKP yang dikeluarkan oleh MKN dipatuhi.
- iii. Menubuhkan Pasukan Swift Media dan Informasi yang terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan dari berbagai Jabatan MBSP untuk menyediakan platform bagi menyalurkan maklumat, SOP dan mendengar pandangan rakyat.

3. Norma Baharu Pasca Krisis Pandemik Covid 19 dan Bandar Masa Hadapan

- i. **Cyber Counter** – Pendigitalan perkhidmatan secara atas talian membolehkan kesemua 99 perkhidmatan yang disediakan di kaunter berpusat MBSP boleh dicapai di CYBER Counter. Majlis Bandaraya Seberang Perai meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatan secara atas talian melalui perkhidmatan kaunter cyber yang mana dahulunya hanya 11 perkhidmatan sahaja ditawarkan. Inisiatif ini adalah untuk kemudahan masyarakat sebagai langkah adaptasi kepada normal baharu pada masa depan, pasca penularan wabak Covid-19.
- ii. **Sesi Q&A Live Bersama Datuk Bandar** melalui platform media sosial iaitu di laman Facebook rasmi MBSP telah diadakan sebanyak 22 kali sepanjang tempoh PKP atau setiap tiga(3) hari oleh Datuk Bandar untuk

menghuraikan SOP terkini dan mendengar rintihan rakyat. Sesi ini yang ke udara selama satu jam tiga puluh minit mendapat sambutan sehingga mencecah 367,000 penonton dan amat berjaya. Kajian ringkas kos faedah menunjukkan manfaat segera yang diperolehi adalah RM9.18 juta penjimatan. Rakyat berpuas hati kerana permasalahan mereka diselesaikan pada ketika itu juga, persoalan mereka diperjelaskan dan lebih dari itu rintihan mereka didengar. Sesi ini juga digunakan untuk berkongsi maklumat dan sesi soal jawab berkaitan inisiatif oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai dalam memerangi Covid 19. Maklumat yang dikongsikan juga adalah berkaitan tatacara pematuhan PKP dan perkhidmatan perlu (*essential services*) yang dibenarkan.

- iii. **Virtual Town Hall** Soal Selidik Bajet 2021, telah diadakan secara maya pada 19 April 2020. Proses merangka Bajet 2021 menggunakan metodologi *Gender Responsive Participatory Budgeting (GRPB)*. Juru Bahasa Isyarat dari Persatuan Pekak Pulau Pinang membantu untuk menterjemahkan perbincangan Datuk Bandar dengan netizen melalui bahasa isyarat. Pendekatan menggunakan Juru Bahasa Isyarat dalam sesi *town hall* adalah menepati Prinsip Pegangan MBSP “*no one will be left behind*” dalam setiap program.
- iv. **Persidangan dan Mesyuarat Secara Maya (Virtual meeting and conference)** Perhimpunan awam tidak dibenarkan semasa PKP untuk mengelakkan penularan Covid19. Semua sektor adalah amat digalakkan untuk mengadakan mesyuarat dan sesi perbincangan secara atas talian (maya) menggunakan platform seperti Zoom dan Webex. Justeru, semasa PKP, MBSP mengadakan semua mesyuarat secara maya kecuali mesyuarat OSC. Saya sendiri telah membentangkan satu kertas kerja

dalam webshare#7 : Mobility, Transport and Public Space in The Future (post Covid19 Pandemic) anjuran UCLG ASPAC Jakarta pada 7 Mei 2020. Persidangan ini melibatkan Mayor Bandar-bandar utama di sekitar Asia Pasifik dan Afrika.

- v. **PKP telah mewujudkan isu pengasingan sosial yang ketara** dan meningkatkan cabaran kesihatan secara psikologi di kalangan masyarakat. Masalah emosi dikenal pasti menjadi isu utama kesihatan mental masyarakat pada ketika ini, terutama sejak negara melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Selain tekanan perasaan, masyarakat juga berasa bimbang disebabkan pelbagai faktor sosial seperti masalah pendapatan dan kewangan. Dalam sesi Q&A bersama Datuk Bandar MBSP menjadi mekanisme komunikasi dua hala untuk penyelesaian masalah bagi isu berkaitan peraturan yang melibatkan portfolio Kerajaan Tempatan iaitu MBSP dan dalam masa yang sama membantu masyarakat mengurangkan tekanan yang dialami.
- vi. **Project Base Assignment, menjadi Norma Baharu** dalam pentadbiran MBSP. Ahli pasukan dipilih mengikut bakat dan minat yang ada pada diri mereka tanpa mengira jawatan. Project Base Assignment memecah benteng silo jabatan yang terlalu *specialized* dalam menjalankan tugas di samping mengekalkan jabatan mengikut *core specialization* masing-masing. Norma Baharu ini merencanakan Kreativiti & Inovasi. *Outcome* yang nyata semasa PKP adalah virtual programme Datuk Bandar bersama rakyat, infografik menjelaskan SOP Covid19, Video Norma Baharu di tempat kerja yang memberi panduan penjarakan sosial, bacaan suhu badan melalui *thermal scanner*, *contact tracing* melalui penggunaan Pgcare QR Code, penggunaan *hand sanitizer* dan lain-lain. Menghasilkan template pengumpulan maklumat pekerja asing dalam masa yang singkat

dan menggunakan sumber dalaman. Manfaat faedah kos segera dari **Project Base Assignment** adalah RM 0.5 juta.

- vii. **Virtual Balloting untuk memilih kontraktor kerja** disaksikan oleh wakil persatuan kontraktor yang hadir dan disaksikan oleh semua kontraktor terlibat melalui *Live screening*.
- viii. **Virtual Balloting untuk memilih pemenang cabutan bertuah** disaksikan secara Live oleh pembayar cukai. MBSP telah berjaya memungut cukai RM95.41 juta semasa promosi cabutan bertuah cukai taksiran yang dibayar mulai 1 Disember 2019 hingga 29 Februari 2020, melibatkan 188,822 transaksi, 50.21% atau 94,816 transaksi atas talian.
- ix. **Norma Baharu bekerja**, 70% kakitangan MBSP bekerja di pejabat manakala baki 30% bekerja dari rumah. Pemantauan kerja-kerja pejabat melalui konsep *work from home* dibuat melalui KPI yang objektif, manakala infrastruktur yang disediakan adalah VPN dan *web base work process*.

4. Cabaran-Cabaran

- i. Kos operasi pengangkutan awam yang tinggi kerana pengoperasian perlu mematuhi kapasiti Prosedur Operasi Standard (S.O.P) dengan mengaplikasikan penjarakan sosial untuk mengekang penularan wabak Covid 19.
- ii. Mewujudkan jurang sosial di kalangan masyarakat – Pelaksanaan dan pengoperasian Prosedur Operasi Standard (S.O.P) yang berbeza di kawasan awam, aktiviti sukan yang melibatkan sentuhan kontak, penjarakan sosial dan larangan sebarang aktiviti perhimpunan awam.
- iii. Sesi Pendengaran Awam (*Town Hall*) GRPB – MBSP buat pertama kalinya mengadakan sesi pendengaran awam untuk mendapatkan pandangan awam bagi merangka Bajet Tahun 2021 secara atas talian di laman sosial media facebook. Sesi pendengaran awam dilaksanakan adalah untuk

memastikan maklumat dapat disampaikan ke peringkat akar umbi dan tidak ada siapa yang akan ketinggalan (*no one will be left behind*).

- iv. Merangka dan menyusun semula program komuniti secara virtual (maya) kerana program yang sedia ada terpaksa dibatalkan kerana Covid 19. Program komuniti secara maya adalah berbentuk pendidikan, kesihatan dan kesedaran awam.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.